

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**HOTEL REGENT, KUALA LUMPUR**  
**MAJLIS PELANCARAN BUKU "PENYAKIT KANAK-KANAK A-Z"**  
**03 OKTOBER 1996**

1. Walaupun kita di Malaysia mempunyai kadar pendaftaran anak bersekolah dalam lingkungan 99 peratus, budaya membaca di kalangan kita masih lagi tidak memuaskan. Buku sekolah dibaca hanya untuk menduduki peperiksaan dan ramai orang dewasa pula berpuas hati setakat membaca akhbar sekali sehari sahaja.

2. Untuk menggalakkan anak kita supaya rajin membaca adalah tidak memadai kita menyuruh mereka membaca sahaja. Kita sebagai ibubapa terlebih dahulu harus mempunyai budaya membaca kerana ia boleh menjadi teladan kepada anak-anak kita. Jika dilihat pada penjualan buku dalam pasaran pula, buku yang ditulis dalam Bahasa Inggeris lebih laris jualannya jika dibandingkan dengan buku dalam Bahasa Malaysia. Keadaan begini telah membuat penulis-penulis tempatan tidak begitu berminat menulis buku dalam Bahasa Malaysia, lebih-lebih lagi buku-buku teknikal atau profesional.

3. Memandangkan kurikulum sekolah-sekolah jenis kebangsaan telah menekankan pembelajaran dengan penggunaan Bahasa Malaysia sejak beberapa tahun dahulu, penjualan buku-buku dalam Bahasa Malaysia masih rendah berbanding dengan buku-buku Bahasa Inggeris.

4. Perkembangan yang pesat dalam teknologi maklumat turut mempengaruhi penerbitan buku. Kini maklumat dalam beberapa buah buku disimpan dalam sekeping cakera padat sahaja. Buku-buku yang diterjemahkan daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia tidak dapat dilakukan dengan tepat dan cepat kerana perkembangan teknologi maklumat ini.

5. Dalam bidang perubatan, perkembangan maklumat berkenaan dengan penyakit dan rawatan juga meningkat berganda-ganda tiap-tiap tahun. Buku-buku yang diterjemahkan daripada bahasa lain tidak dapat memberi penekanan yang sesuai berkenaan keadaan kesihatan tempatan.

6. Buku yang dilancarkan pada pagi ini, 'Penyakit Kanak-kanak A-Z', telah ditulis oleh dua orang pakar kanak-kanak yang berpengalaman dalam merawat kanak-kanak bukan sahaja di Malaysia tetapi di negara-negara yang lebih maju daripada kita. Maklumat dalam buku ini adalah berguna sebagai rujukan ibu bapa apabila anak sakit atau bermasalah.

7. Seorang anak yang membesar daripada bayi hingga ke peringkat dewasa memerlukan perlindungan, makanan, penjagaan dan kasih sayang untuk memastikan kesihatan badan dan perkembangan inteleknya baik. Ia juga perlu berinteraksi dengan anak-anak atau rakan sebaya lain dengan persekitaran yang boleh memperkembangkan stimulasi inteleknya. Dalam perkembangan ini, tanggungjawab mendidik dan menjaga

anak bukan terletak di tangan ibu sahaja. Peranan bapa juga penting. Dalam perkongsian ini peranan bapa adalah lebih daripada 'supporting role' atau peranan sokongan iaitu sebagai 'co-worker' atau pekerja gandingan. Dalam buku Penyakit Kanak-kanak A-Z' ini, semua tindakan yang perlu dilakukan oleh ibubapa diberikan penekanan kerana tanggungjawab penjagaan anak adalah perkongsian ibu dan bapa bersama.

8. Buku seperti 'Penyakit A-Z' ini boleh memberi sedikit kuasa kepada ibubapa anak yang sakit apabila mereka menjumpai doktor. Kuasa di sini bermaksud 'empowerment'. Dengan maklumat yang diperolehi, bolehlah mereka bertanya soalan yang munasabah kepada doktor mereka. Mereka juga boleh mendapat maklumat yang lebih berkenaan dengan penyakit atau masalah anak mereka selepas berjumpa doktor.

9. Dengan adanya buku seperti ini, setiap individu bolehlah bertanggungjawab di atas kesihatan mereka sendiri dan tidak perlu menunggu Kementerian Kesihatan untuk melakukan kempen-kempen kesihatan. Tanggungjawab kesihatan sendiri patutlah menjadi tanggungjawab individu dan bukan tanggungjawab Kerajaan atau Kementerian Kesihatan.

10. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan buku 'Penyakit Kanak-kanak A-Z'.